



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 [AKTA 127]

P.U. (A) 140/89

PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (PERMIS YANG DITETAPKAN) (KEMUDAHAN PENGOLAHAN DAN PELUPUSAN BUANGAN TERJADUAL) 1989

Mengandungi pindaan terkini - P.U. (A) 252/2006

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :

27 April 1989

Tarikh mula berkuatkuasa :

1 Mei 1989

SUSUNAN PERINTAH

[Mukadimah](#)

Perintah 1. [Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

Perintah 2. [Tafsiran.](#)

Perintah 3. [Premis yang ditetapkan.](#)

[SENARAI PINDAAN](#)

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 18 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127], Menteri, selepas berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, membuat perintah yang berikut:

Perintah 1. Nama dan mula berkuatkuasa.

Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Mei 1989.

Perintah 2. Tafsiran.

Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

"buangan terjadual" ertinya apa-apa buangan yang termasuk dalam kategori -kategori buangan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 [P.U. (A) 294/2005];

"kemudahan pengolahan di tanah" ertinya premis yang digunakan bagi pengolahan di tanah apa-apa buangan terjadual, seperti peluluhawaan enapcemar;

"kemudahan pengolahan luar tapak" ertinya premis yang diduduki atau digunakan bagi memproses apa-apa buangan terjadual yang tidak dikeluarkan di premis itu;

"kemudahan penstoran luar tapak" ertinya premis yang diduduki atau digunakan bagi penstoran, pengumpulan atau pemindahan apa-apa buangan terjadual yang tidak dikeluarkan di premis itu;

"kemudahan pemerolehan kembali luar tapak" ertinya premis yang diduduki atau digunakan bagi memperolehi kembali bahan atau hasil daripada apa-apa buangan terjadual yang tidak dikeluarkan di premis itu;

"penunu buangan terjadual" ertinya premis yang diduduki atau digunakan untuk memusnahkan apa-apa buangan terjadual dengan menggunakan haba;

"tapak pelupusan selamat" ertinya premis yang diduduki atau digunakan bagi melupuskan di tanah apa-apa buangan terjadual;

[*Pin. P.U. (A) 252/2006*]

Perintah 3. Premis yang ditetapkan.

Premis-premis yang berikut adalah ditetapkan menjadi premis-premis yang pendudukan atau penggunaannya oleh seseorang, melainkan jika dia ialah pemegang suatu lesen yang dikeluarkan berkenaan dengan premis-premis itu, adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta:

- (a) kemudahan penstoran luar tapak;
- (b) kemudahan pengolahan luar tapak;
- (c) kemudahan pemerolehan kembali luar tapak;
- (d) penunu buangan terjadual;
- (e) kemudahan pengolahan di tanah; dan
- (f) tapak pelupusan selamat.

Diperbuat pada 31hb Mac 1989.

[KST. & AS. (U) 902/JAS/2/2 Jld. II; PN. (PU²) 280/III.]

DATUK AMAR STEPHEN K. T. YONG,
Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

SENARAI PINDAAN

*Undang-undang
yang meminda*

Tajuk ringkas

*Berkuat kuasa
Dari*

[P.U. \(A\) 252/2006](#)

Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang
Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan
Pelupusan Buangan Terjadual) (Pindaan) 2006

01-07-2006

Copyrights Reserved

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Lawnet.



PRODUCED BY
LAWNET
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD